

AKTIVITI SPPDK SEPANJANG JAN-APRIL 2022

- JANUARI-FEBRUARI : TIADA SEBARANG AKTIVITI FIZIKAL BERLANGSUNG. SPPDK MASIH DALAM PROSES MENGURUSKAN KEPERLUAN PERUNTUKAN KWAPKb DAN MEMBUAT PERANCANGAN PROJEK SETAHUN.
- **MAC :**
 - **BENGGEL PENJENAMAAN COOPLODGE**
 - ✚ 21 MAC 2022 – Bengkel Penjenamaan Cooplodge Melaka 2022. Program melibatkan 32 orang peserta dari 23 buah koperasi Zon Selatan (Melaka, Johor dan Negeri Sembilan). Program setengah hari ini bertujuan memperkenalkan sebuah sub sector baharu SPPDK iaitu Cooplodge. Majlis dihadiri oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Encik Nor Azam Md Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan ANGKASA, Datuk Haji Mohamad Ali Hassan dan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Melaka, Haji Ab. Rahim Tawel.
 - ✚ Taklimat khusus berkenaan Cooplodge disampaikan oleh Cik Norlaili Mansor, Penolong Pengurus (Pelancongan), SPPDK. Taklimat ini khusus berkenaan memperkenalkan sub sector terbaharu ini selain memberi sedikit maklumat asas seperti konsep dan kriteria sebuah Cooplodge untuk panduan koperasi menyertai jaringan terbaharu ini.
 - ✚ Pada majlis yang sama, sebuah perkongsian pengalaman melaksanakan aktiviti Cooplodge ini diberikan oleh salah seorang ahli jaringan iaitu Datin Sarah Adam yang menjalankan aktiviti Cooplodge di bawah jenama Melaka Traders dan juga beberapa outlet premis secara kontrak jangka Panjang dengan Bayou Lagoon Resort, Melaka.

➤ **APRIL:**

▪ **WEBINAR COOPUMRAH**

- 14 APRIL 2022 – Webinar Coopumrah ini dilaksanakan secara khas untuk memberi maklumat terkini berkenaan SOP terkini sebelum, semasa dan selepas melaksanakan ibadah umrah.
 - Projek Coopumrah dirancang untuk dilaksanakan pada Julai 2022 nanti. Justeru, maklumat awal diperlukan khusus bagi para Jemaah membuat persediaan secara fizikal dan mental berkenaan SOP terkini yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dan juga Arab Saudi.
1. Keistimewaan webinar bertajuk SOP Umrah Terkini ini dibawakan secara langsung dari Putrajaya, Mekah dan Madinah oleh tiga orang panel jemputan khas iaitu Encik Ahmad Alsraf Ahmad Mokhtar, Ketua Penolong Setiausaha, Cawangan Penguatkuasaan, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Datuk Haji Rithsman Mohamad, Pengarah Urusan Eco Riths Leisure Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Ustaz Syed Putra Haizam Syed Hasyim, Pengarah Urusan Creative Warrior Consultancy Sdn. Bhd.
 2. Majlis turut diserikan dengan ucapan perasmian daripada Timbalan Presiden ANGKASA, Prof. Madya Dato' Dr. Haji Abdul Rahman Abdul Razak Shaik tidak ketinggalan juga ucapan aluan daripada Pengerusi JPPDK, Datuk Haji Mohamad Ali Hassan.